

BAB 5

SUMBANGAN REFORMASI WANITA DARI ASPEK POLITIK PADA ABAD KE 19

Salah satu persoalan utama yang dibangkitkan oleh pihak British ialah kesangsian terhadap orang India untuk mentadbir negara sendiri jika diberi kemerdekaan. Pada pandangan masyarakat Barat, salah satu cara mereka menilai kemajuan dan ketamadunan sesebuah bangsa adalah dengan melihat bagaimana wanita diberi layanan, Cousin(1941).

Kesangsian pihak British timbul kerana ramai wanita ditindas dan dibunuh kerana amalan adat lama seperti "sati". Pada pandangan masyarakat barat, amalan Sati ini dianggap sebagai keganasan yang dilakukan oleh hanya orang yang tidak bertamadun. Perkahwinan kanak-kanak juga dilihat oleh pihak British sebagai satu penindasan yang buruk terhadap kanak-kanak perempuan. Kesemua amalan ini dianggap "barbaric" atau ganas oleh British (Cousin:1941).

Reformasi wanita juga amat diperlukan kerana kemerosotan kedudukan wanita harus dibendung dan martabat mereka harus dinaikkan kembali. Jika wanita boleh menyumbangkan tenaga dan berganding bahu bersama kaum lelaki, semangat nasionalisme akan menjadi lebih kuat dan efektif. Maka, salah satu punca utama timbulnya reformasi wanita adalah disebabkan pada masa itu negara India

memerlukan sumbangan wanita untuk perjuangan mendapatkan kemerdekaan daripada pihak British.

Menurut Margaret E. Cousins dalam bukunya, "*The Hindu Women*" (1941), pada abad penghujung abad ke 19, golongan wanita merupakan lebih kurang 50% daripada populasi penduduk India, sumbangan mereka ke arah menyemarakkan semangat nasionalisme amat diperlukan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan seperti Mahatma Gandhi.

Menyedari hakikat ini, Mahatma Gandhi sendiri memperjuangkan hak kebebasan wanita bukan sekadar menaikkan martabat wanita tetapi menyeru agar wanita keluar membantu ayah, suami, abang dan kaum lelaki lain yang memperjuangkan kemerdekaan India (Cousins, 1941:27).

Sumbangan reformasi sosial wanita khususnya kepada kaum mereka sendiri dan amnya kepada negara boleh dilihat dari beberapa sudut politik yang penting seperti pergerakkan nasionalisme, dan penglibatan wanita dalam pilihanraya serta kerusi majlis perundungan sebelum kemerdekaan.

5.1. SUMBANGAN REFORMASI WANITA TERHADAP PERGERAKKAN NASIONALISME

Wanita yang bergiat dalam aktiviti ini bukan sahaja terdiri daripada wanita beragama Hindu, malah Kristian dan juga Islam. Semangat patriotik mereka banyak menyumbang ke arah emansipasi wanita itu sendiri. Ini terbukti apabila mereka

beramai-ramai keluar rumah untuk menyokong kaum lelaki dalam aktiviti berkempen dan perjumpaan yang melaungkan slogan anti-British (Manmohan Kaur:1985).

Sebelum tahun 1890an, taraf dan kedudukan wanita dikatakan mengalami kemerosotan yang paling teruk(Cousins, M.,1941:60) akibat kongkongan adat lama.

Pada awal tahun 1890an, dengan kewujudan semangat nasionalisma yang kuat di kalangan rakyat India yang berbilang agama untuk melepaskan negara mereka dari cengkaman pihak British telah menunjukkan satu perubahan pemikiran yang positif terhadap kedudukan wanita.

Oleh kerana tenaga dan sokongan wanita yang terdiri dari hampir separuh dari jumlah penduduk, ianya amat diperlukan oleh kaum lelaki untuk perjuangan mereka. Sokongandari kaum wanita ini merupakan pemangkin dalam perjuangan kemerdekaan India pada masa itu yang terdiri dari tokoh-tokoh lelaki sebagai barisan hadapan perjuangan.

Salah satu peristiwa yang menyebabkan semangat patriotisme memuncak adalah hasil usaha seorang wanita Bengali iaitu Srimati Saraladevi Choudrani dalam Kongress Kebangsaan India atau Indian Nasional Congress(INC). Beliau telah menubuhkan satu kumpulan koir untuk menyanyikan lagu "Bande Mataram". Lagu ini akhirnya menjadi lagu partriotik India dan dinyanyikan sehingga ke hari ini unutk menaikkan semangat patriotisme di kalangan penduduk India.

Detik permulaan kebangkitan wanita dalam politik adalah dengan kemasukan Puan Annie Basant ke dalam kancah politik pada 1914. Pada tahun 1917 Kongres

Kebangsaan India telah memilih Puan Annie Basant sebagai Presiden tahunan mereka di Calcutta (Ibid:62).

Berserta dengan Annie Basant, tokoh wanita lain yang memperjuangkan kemerdekaan India adalah seperti Sarojini Devi Naidu mewakili wanita Hindu dan Begum Amman Bibi mewakili wanita Islam. Ketiga-tiga wanita ini menjadi signifikasi era baru dalam kancah sosial dan politik India di zaman kemerdekaan(Margaret E. Cousins,1941:41).

Ini merupakan satu detik penting yang memperlihatkan peningkatan martabat wanita di India. Ia memperlihatkan pandangan kaum lelaki mengalami satu perubahan di mana kini mereka sanggup menerima pandangan dan ketokohan wanita dalam arena politik yang sekian lama didominasikan oleh hanya mereka.

Dr. Muthulakshmi Reddi merupakan wanita pertama yang menjawat jawatan dalam majlis perundangan wilayah di India. Akhirnya beliau meletak jawatan untuk memprotes tindakan British memenjarakan Mahatma Gandhi. Slongan “undilah wanita” menjadi popular apabila seorang tokoh wanita yang bernama Puan Kamaladevi Chattopadhyaya bertanding dalam pilihanraya majlis perundangan pada 1926. Walaupun beliau dikalahkan dengan majoriti undi sebanyak 600, namun kaum wanita kini sudah mula dilihat sebagai mempunyai sifat kepimpinan yang setanding dengan kaum lelaki

(Ibid : 67).

Ini cukup membuktikan bahawa wanita lebih mengutamakan prinsip dari kehendak peribadi untuk merebut kuasa dalam peradaban masyarakat India. Nilai-nilai murni ini diterapkan sehingga ke hari ini dikalangan ramai wanita India yang benar-benar memperjuangkan nasib orang miskin.

Pergerakan “sathyagraha” menghasilkan garam oleh Mahatma Gandhi

Walaupun Gandhi tidak menggalakkan wanita untuk turut serta, ramai wanita telah menyertai pergerakan ini untuk menonjolkan semangat nasionalisme mereka. Beribu-ribu wanita telah keluar rumah untuk menyertai kempen “tiada kerjasama” yang dianjurkan oleh Mahatma Gandhi dari tahun 1921 hingga 1923, (Cousins,1941:41).

Satu peristiwa penting dalam sejarah India yang banyak memperlihatkan sumbangan wanita dalam politik ialah semasa peristiwa memproses garam atau lebih dikenali sebagai “Satyaghraha” garam dimana Mahatma Gandhi mengajak rakyat memproses garam mereka sendiri untuk menentang kenaikan cukai garam oleh pihak British (Ibid:42).

Wanita dari pelbagai lapisan masyarakat, tanpa mengira kasta, adat dan agama telah mengharungi kesusahan untuk bergabung sebagai satu pasukan tanpa mengira jantina. Wanita yang memakai purdah, ibu mengandung, nenek, penari devadasi sama-sama menyahut seruan Mahatma Gandhi menentang British dalam pergerakkan ini (Ibid:70).

Pada masa ini lebih kurang 3000 wanita dipenjarakan, didera, dipukul dan dihina oleh pihak British namun mereka terus berjuang menegakkan slogan "anti-keganasan" yang diperjuangkan oleh Mahatma Gandhi demi menuntut kemerdekaan. Sarojini Devi Naidu merupakan wanita pertama yang ditahan oleh pihak British dalam protes anti- keganasan(Ibid:68).

Menurut "*The Hindu Womam*" (1941), satu peristiwa yang tidak dapat dilupakan, apabila wanita-wanita di sebuah kampung sanggup berjalan sepanjang 7 batu ke sebuah kedai arak untuk memprotes penjualan arak import. Akhirnya mereka telah diberkas dan dipenjarakan. Peranan wanita dalam politik India di antara tahun 1917 sehingga 1934 banyak mempengaruhi kedudukan wanita dalam arena politik masa depan. Kebanyakkan mereka juga mempunyai hubungan yang rapat dan berkongsi maklumat dengan ahli parlimen British di Britain pada masa itu (Ibid:72).

5.2 SUMBANGAN WANITA DALAM PERUNDANGAN

Pada Februari 1937 semasa pilihanraya umum, seramai 80 wanita telah layak menduduki kerusi perundangan. Maka dalam era ini India merupakan negara kedua terbesar yang mempunyai bilangan wanita yang paling ramai dalam majlis perundangan. Wanita India ini akan memegang jawatan mereka selama 3 tahun (Cousins,1941:85).

Apakah yang menyebabkan angka ini mengingkat secara mendadak? Sebab utamanya adalah pergerakan nasionalisme. Pergerakan kemajuan dan kebebasan wanita pada masa itu adalah seiring dengan pergerakan kebebasan negara India

sendiri. Antara jawatan yang disandang oleh wanita dalam majlis perundangan adalah:

- Menteri dalam kerajaan tempatan dan kesihatan masyarakat
- 2 timbalan “speaker”
- Timbalan Presiden Majlis Perundangan di wilayah Assam
- Setiausaha Parlimen

Dari jumlah 80 wanita yang telah memenangi dalam jawatan perundangan, 36 mewakili Parti Kongres Kebangsaan, 12 mewakili wanita Islam, selebihnya mewakili Kristian dan beberapa orang calun bebas. Pada masa yang sama hanya ada 9 wakil rakyat di Britain, 4 orang di Australia dan 7 orang di Denmark⁷(Ibid:87).

Pada tahun 1940an, dikatakan ramai wanita mempunyai kedudukan sosial yang tinggi, bukan setakat itu malah bilangan wanita dalam sistem perundangan telah meningkat ke angka 80(Cousins(1941). Pada masa ini India merupakan negara ketiga di dunia yang mempunyai wanita paling ramai dalam perundangan.

Pada Disember 1940, majlis perundangan Parti Kongres telah melancarkan gerakan menentang British melalui kempen anti-keganasan yang diketuai oleh Mahatma Gandhi. Kaum wanita melalui Majlis Perundangan Wanita Kongres atau “The Congress of Women Legislators” telah bekempen sehingga ramai daripada dipenjarakan seperti sama kaum lelaki yang lain tanpa mengira jantina(Margaret E. Cousins,1941:95).

Pada masa ini sumbangan wanita yang terbesar dapat dilihat apabila yang tua,muda,miskin dan kaya masing-masing meninggalkan rumah, adat, tradisi mereka dan sanggup keluar rumah demi memperjuangkan kebebasan negara mereka.

Peristiwa pengorbanan wanita dalam perjuangan nasionalisme menjadi realisasi dengan adanya sokongan dari pergerakan reformasi kaum wanita. Jika tiada reformasi terhadap kaum wanita pada masa ini, kemungkinan besar kaum wanita tidak berani keluar rumah secara beramai-ramai maka kaum lelaki terpaksa memikul tanggungjawab yang lebih berat dan kemungkinan menghadapi pelbagai cabaran yang lebih rumit lagi.

Pergerakkan reformasi kaum wanita yang seiring dengan pergerakkan nasionalisme telah menyedarkan penduduk India, jika wanita diberi peluang kebebasan dan hak yang sama seperti lelaki, satu masyarakat yang maju dan bebas dari penjajah dapat diwujudkan dalam sejarah peradaban mereka sumbangan wanita dan kebijaksanaan mereka janganlah dipandang ringan.

BAB 6

KESIMPULAN

6. 1 PENDAHULUAN

Sumbangan reformasi kaum wanita di India memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan dan kemajuan peradaban mereka. Setelah mengkaji sumbangan reformasi ini, jelas dilihat ianya adalah lebih menonjol dari aspek sosio-politik masyarakat India berbanding dengan sumbangan dari sudut ekonomi.

Suatu keunikan reformasi ini menampakkan bahawa perintis reformasi yang awalnya terdiri dari kaum lelaki dan bukannya wanita. Kaum lelaki dengan beraninya tampil ke hadapan untuk mengkritik masyarakat yang didominasi oleh mereka(lelaki) untuk membebaskan wanita dari pelbagai kesengsaraan sosial dan agama. Fenomena ini amat berbeza dengan pergerakan reformis dan emansipasi wanita di Eropah pada masa yang sama kerana, di Eropah kaum wanita bangkit menentang penindasan kaum lelaki dan mula melaungkan slogan anti-lelaki (Durham:1971).

Masa kemunculan reformasi ini juga dikatakan amat sesuai kerana pada masa ini tenaga wanita amat diperlukan oleh pejuang-pejuang nasionalisme India. Malah, tokoh-tokoh politik sendiri menggalakkan ahli keluarga yang terdiri dari kaum wanita untuk turut bergiat dalam kempen menentang British.

Kebangkitan wanita dalam peradaban India berlaku secara mendadak pada awal abad ke 19. Tanda-tanda awal kebangkitan wanita di Utara India semasa

Pemberontakan 1857-1858 jelas membuktikan bahawa kaum wanita tidak ingin mendiamkan diri di sebalik tirai jika hak mereka dirampas oleh kuasa asing. Kefasihan pelbagai bahasa dan kebijaksaan ramai wanita golongan atasan dan kerabat diraja telah menjadi sumber inspirasi ramai wanita golongan atasan India untuk memecahkan tradisi lama dan keluar rumah untuk menimba ilmu pengetahuan.

Bapa kemerdekaan India, iaitu Mahatma Gandhi sendiri telah menjadi satu ‘role model’ kepada bangsa India supaya membebaskan wanita dari penindasan sosial yang orthodoks. Ramai wanita telah meminta pelbagai nasihat dan panduan sosial daripada Gandhi mengenai kehidupan harian merreka. Nasihat Gandhi ini banyak yang dicetak dan diedarkan supaya masyarakat sedar kepentingan wanita dan sumbangannya. Banyak kes-kes yang dicetak dalam majalah “Harijan” di bawah naungan Gandhi telah membuka mata penduduk mengenai kejahilan amalan perkahwinan kanak-kanak dan Sati.

6.2 PENUTUP

Reformasi kaum wanita di India seiring dengan refomasi sosial dan agama amat diperlukan pada awal ke 19 disebabkan oleh beberapa faktor yang sosio-budaya, ajaran agama , pengaruh Eropah dan persekitaran politik yang penting.

Amalan Sati yang kian berleluasa pada masa itu memberi satu imej yang negatif mengenai peradaban India di mata orang Eropah terutamanya Britsih. Ditambah pula dengan amalan perkahwinan kanak-kanak. Walaupun terdapat banyak kes

kanak-kanak dipaksa kahwin pada usia muda,masyarakat India menganggap ianya sebagai satu budaya yang lumrah dan menjadi kebiasaan hidup.

Hanya golongan elit India yang banyak menghadiri majlis sosial orang Inggeris dapat membandingkan layanan orang Eropah terhadap wanita yang jauh berbeza dengan masyarakat mereka. Kebebasan bersuara dan pemberian pendapat di khalayak ramai oleh wanita Inggeris merupakan sesuatu yang luarbiasa di mata orang India yang melindungi wanita mereka disebalik tirai.

Ini telah mencetuskan beberapa pandangan radikal di kalangan orang India yang berpendidikan Inggeris bahawa wanita seharusnya diberikan sama taraf dan hak seperti lelaki. Amalan seperti ini langsung tidak akan mengugat martabat kaum lelaki malah mereka akan lebih dihormati oleh orang lain dengan mengikut gelaran Inggeris seperti “gentleman” atau seorang yang berbudi bahasa dan pandai melayan wanita.

Penderaan terhadap balu wanita juga menyebabkan ramai tokoh reformis berjuang untuk mengahwinkan semula wanita yang malang itu. Kebanyakkan balu wanita biasanya terdiri dari wanita muda yang belum kenal erti hidup dan tidak pernah bersekedudukan dengan suami mereka. Walaupun mereka masih suci, gelaran ‘balu’ telah menyebabkan mereka disisihkan dari masyarakat dan keluarga dan terpaksa menjalani kehidupan yang serba susah sehingga ke hari tua.

Amalan dowri merupakan satu penindasan terhadap wanita India yang amat ketara. Amalan ini sememangnya terkenal dalam peradaban India sehingga ke hari ini.

Ramai keluaraga pengantin lelaki mendera dan membunuh menantu mereka semata-mata tamakkan duit dan harta. Amalan ini menjadikan kanak-kanak perempuan sebagai satu ‘beban’ yang harus dipikul oleh suami-isteri. Yang peliknya kekejaman ini biasanya dilakukan bukan sahaja oleh kaum lelaki malah ibu mertua turut menyumbang dalam penganiayaan ini. Maka, reformasi wanita bukan sahaja menyeru kaum lelaki lebih perihatin terhadap wanita tetapi juga menyeru kaum wanita itu sendiri supaya lebih bersimpati dengan kaum mereka sendiri.

Pembunuhan bayi perempuan bukan sahaja merupakan satu amalan yang dilihat dalam peradaban India malah sering di ketengahkan oleh peradaban dunia yang lain seperti Cina dan Arab. Pada era ini, jika seseorang wanita melahirkan anak perempuan, mereka akan dipersalahkan. Suami mereka dibenarkan berkahwin lagi semata-mata untuk mendapat anak lelaki. Poligami dibenarkan bagi tujuan ini dalam hampir-hampir semua peradaban dunia yang mempunyai ciri yang sama.

Menurut pencapaian dalam bidang perubatan pada abad ke 20, jantina seseorang bayi yang bakal lahir adalah ditentukan oleh kromosom ‘X’ dan ‘Y’. Wanita hanya mempunyai sejenis kromosom sahaja iaitu ‘X’ dan lelaki mempunyai 2 jenis kromosom iaitu ‘X’ dan ‘Y’. Kromosom ‘XX’ akan menghasilkan jantina perempuan dan kromosom ‘XY’ menghasilkan jantina lelaki. Maka secara saintifik, seorang ayah memainkan peranan yang sama pentingnya dalam ‘penentuan’ jantina bayi yang akan bakal lahir. (www.microsoft.com).

Kemajuan bidang perubatan ini tidak wujud pada masa yang lampau, namun penindasan terhadap wanita yang tidak melahirkan anak lelaki masih wujud sehingga ke hari ini dalam peradaban India dan peradaban dunia yang lain. Banyak pandangan-pandangan golongan orthodoks Hindu ditindas oleh golongan reformis kaum wanita. Amalan kasta juga menyebabkan wanita dibendung dan dijaga rapi takut terlibat dengan lelaki kasta yang lebih rendah dan mencemarkan maruah keluarga.

Salah satu tujuan penting reformasi kaum wanita pada abad ke 19 adalah untuk menyedarkan masyarakat India bahawa mereka sebenarnya mempunyai satu tamadun yang unggul. Mereka telah memberi hak yang sama kepada kaum wanita pada zaman klasik dan melahirkan ramai golongan wanita cendikiawan yang unggul. Tamadun yang unggul hanya boleh wujud jika wanita memainkan peranan yang sama pentingnya dengan kaum lelaki.

Satu-satu kejayaan terbesar reformasi ini adalah memberi wanita peluang pendidikan yang sama taraf dengan kaum lelaki. Melalui pendidikan, reformis berharap wanita India akan lebih maju dan menceburi bidang profesionalisme seperti perguruan, perundangan, perubatan dan kejururawatan.

Pengetahuan ini diharap dapat meningkatkan lagi kualiti kehidupan masyarakat India di samping mencetuskan satu peradaban yang maju dan bijak di masa hadapan supaya setanding dengan peradaban dunia lain. Sumbangan reformasi ini juga telah membawa masyarakat India dari era ‘renaissance’ ke ambang ‘India Modern’.

Reformasi kaum wanita ini turut mengetengahkan peranan wanita sebagai pendidik masyarakat era baru. Banyak pemikiran rasionalisme, liberalisme dan kajian saintifik yang dibawa oleh revolusi perindustrian di Eropah telah membuka mata orang-orang India untuk bergerak ke arah kemerdekaan dan memecahkan genggaman British yang mengaut hasil bumi India selama beberapa abad.

Aktiviti reformasi wanita ini disalurkan dan disebarluaskan secara strategik melalui pertubuhan agama dan sosial seperti Arya Samaj, Brahmo Samaj, Sarada Sadan dan juga persatuan seperti All Indian Women's Congress serta konvesyen-konvesyen yang diadakan di luar negara seperti Amerika, Eropah dan Jepun.

Penerbitan buku, suratkhabar, terjemahan Veda dan Upanishad serta ceramah dan diskusi banyak menyediakan platform bagi pergerakkan reformasi wanita di India. Infrastruktur seperti ini banyak digunakan bagi tujuan menyalurkan semangat nasionalisme dan ianya memainkan peranan yang penting dalam penyaluran reformasi kaum wanita juga.

Sumbangan reformasi wanita banyak memberikan implikasi yang positif terhadap kaum wanita dan peradaban, namun golongan orthodoks yang masih berpegang kuat kepada tradisi lama memberi tentangan yang hebat. Sistem kasta yang sukar dihapuskan juga telah banyak menghalang aktiviti reformasi kerana pergaulan dan kebebasan wanita disekat mengikut kelas-kelas sosial yang tinggi dan rendah.

Hanya semasa aktiviti kempen politik semua kasta dan agama bergabung sama untuk meperjuangkan hak untuk memerintah negara sendiri. Pengkaji merasakan

dasar ‘tidak campurtangan’ British dalam hal-hal agama dan budaya masyarakat tempatan juga banyak telah melambatkan proses reformasi mencapai tujuannya.

Namun beberapa hasil positif yang dicapai oleh kaum wanita jelas dilihat apabila beberapa akta seperti Akta Penghapusan Amalan Sati, Perkahwinan Semula Balu, Perkahwinan Kanak-kanak, Akta Penghapusan Amalan Dowri dan Akta Pendidikan bagi Wanita telah digubal dan dilaksanakan sebelum dan selepas kemerdekaan di India.

Reformasi kaum wanita amat diperlukan bukan sahaja untuk menaikkan martabat wanita di mata masyarakat tempatan dan British tetapi reformasi ini amat diperlukan supaya masyarakat India boleh meninggalkan amalan tradisi yang menghalang kebebasan wanita untuk keluar rumah dan bersuara di khalayak ramai. Jika matlamat ini dapat dicapai, maka kini, keupayaan menentang British dan mendapatkan kemerdekaan telah berlipat dua kali ganda.

Reformasi kaum wanita pada abad ke 19 yang berlaku di India sebenarnya mengorak langkah bagi golongan wanita India masa hadapan. Dalam masa yang singkat ianya merebak seperti api yang marak dan ini telah melahirkan ramai cendikiawan wanita dan pemimpin seperti Indira Gandhi yang memerintah India pada abad ke 20.

Kemajuan wanita India pada abad ke 21 banyak bergantung kepada apa yang berlaku seratus tahun yang lampau. Peradaban India merupakan satu peradaban yang unggul kerana mempunyai ramai wanita yang bijak, perpegang kepada

falsafah hidup yang tinggi dan masih mengekalkan ciri-ciri budaya India yang unik. Tanpa reformasi kaum wanita dan sumbangannya pada abad ke 19, kejayaan seperti ini mungkin tidak dapat dicapai dalam masa yang sesingkat ini.

Pengkaji merumuskan bahawa reformasi pergerakan wanita di India pada abad ke 19 telah banyak memberi sumbangan yang positif terhadap peradaban India seperti yang dibincangkan dalam kajian ini. Negara India merupakan negara demokrasi yang terbesar di dunia. Negara ini pernah dipimpin oleh seorang wanita bernama Indira Gandhi. Tanpa reformasi pada abad ke 19 perkara seperti ini mungkin tidak berlaku.

Kemajuan wanita India secara langsung boleh dikaitkan dengan gerakan reformasi yang berlaku di India pada abad ke 19. Reformasi tersebut telah mengorak langkah ke hadapan untuk mewujudkan peradaban India moden pada abad ke 20 dan seterusnya.

Apendiks A

Bilangan cikgu perempuan dan peratusan tenaga pelatih mengikut wilayah

Dari tahun 1973-1947

Wilayah Terlatih	Jumlah pelajar	Terlatih	Peratus Guru
Madras	10,472	7,297	69.7
Bombay	4,497	2,353	52.3
Bengal	5,263	1,019	19.4
U.Pradesh	3,621	939	25.9
Punjab	3,124	1,293	41.9
Bihar/Orissa	1,487	486	32.7
W.Tengah	1,198	606	50.6
Assam	624	205	32.9
British India	34,811	17,230	49.5

Sumber: Sargeant, Sir John, "Progress of Education In India", 1937-1947.

"From Nilachal to see Gaur's mother Sachi
Has come the pandit, Jagadananda named;
And, from a knoll, on Nuddea his eyes are fixed,
As it were Gokul, Krishna's birthplace
"I may- I may not see her once again".
So, struck with fear, his anxious glance
Perceives, on all sides, trees and creepers green.
Shedding their leaves ultimately, the glowing sun
His rays upshrouding, and the milk white clouds
Changing to rusty; birds with closed eyes,
Careless of flower and berry and sparkling stream.
Sit loud lamenting, shrieking to the skies,
Calling in sympathy, Gouranga's name,
While by the wayside dumb the cattle stand
Herd after herd; and Madhbi's pandit fell
Full length upon the ground".

-Madhavi Dasi,1360

Terjemahan dari bahasa Bengali : Margaret Macnicol, "Poems by Indian Women",1923,California,Association Press:69.